

Utama 4 hala tuju perkemas landskap negara

Johor Bahru: Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menyenaraikan, empat perkara perlu diberikan keutamaan dalam hala tuju pembangunan landskap negara pada masa hadapan.

Empat perkara yang dinyatakan Perdana Menteri itu merangkumi keperluan usaha memperkemas sistem jaringan landskap negara dan mendaya upaya potensi serta nilai ekonomi industri landskap.

Selain itu, keutamaan juga perlu diberikan kepada usaha melindungi aset landskap Keluarga Malaysia dan mempertingkatkan kualiti perkhidmatan landskap negara.

Ismail Sabri berkata, empat keutamaan itu seiring penambahbaikan dasar semasa kerajaan bagi memenuhi kehendak Keluarga Malaysia dalam mendeapani cabaran serta keperluan negara terhadap pematuhan agenda kemampanan dunia, konsep

pembangunan fizikal negara juga memerlukan perubahan.

“Suka saya cadangkan supaya ia turut didasari dengan peningkatan nilai sosial dan ekonomi kepada Keluarga Malaysia, serta peningkatan nilai aset negara, sama ada dinilai berdasarkan nilai ketara atau nilai bukan ketara.

“Bagi memastikan Keluarga Malaysia mendapat manfaat sepenuhnya, program Landskap Negara perlu diteruskan, dan kepentingan landskap dalam pembangunan negara perlu diperkukuhkan.

“Sebagai satu panduan, suka saya mencadangkan supaya empat perkara itu diberikan kepentingan, dalam hala tuju pembangunan landskap negara pada masa hadapan,” katanya dalam ucapan perasmian Hari Landskap Negara 2022 di Taman Ekoflora, Puteri Wangsa, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Besar, Datuk Seri Hasni Mohammad

serta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican.

Mengulas lanjut, Ismail Sabri berkata, dalam memperkemas sistem jaringan landskap negara, adalah wajar, perluasan penyediaan infrastruktur hijau negara diberikan keutamaan menerusi pendekatan program pembangunan landskap yang menyeluruh.

Katanya, bagi mendaya upaya potensi dan nilai ekonomi industri landskap pula, ia perlu dilakukan seiring dengan perubahan global.

“Sewajarnya kita mendaya upayakan potensi industri landskap negara sebagai satu nilai ekonomi atau sebagai satu sumber pulangan dan ekonomi baharu negara.

“Bagi melindungi aset landskap Keluarga Malaysia, satu kaedah kawalan secara perundangan diwujudkan bagi memas-

tikan aset landskap dapat dilindungi selain pendidikan berterusan secara lebih berkesan. Ini kerana kehilangan aset landskap itu akan membawa kerugian kepada negara dan sukar untuk dikembalikan.

“Bagi mempertingkatkan kualiti perkhidmatan landskap negara, organisasi landskap yang lengkap peringkat agensi, negeri dan tempatan adalah penting untuk memastikan perkhidmatan terbaik dapat diberikan kepada Keluarga Malaysia,” katanya.

Dalam pada itu, Ismail Sabri berkata, data menunjukkan jumlah pengunjung ke Taman Persekutuan Bukit Kiara mencatatkan peningkatan sebanyak 287.10 peratus tahun lalu berbanding tahun sebelumnya.

Katanya, ini membuktikan kepentingan taman menjadi ruang rekreasi utama Keluarga Malaysia semasa pandemik COVID-19.

“Untuk menjadikan Malaysia Negara Taman Terindah tentunya bukan mudah dicapai, namun ia tidak mustahil untuk di-realisasikan.

“Dalam tempoh 25 tahun ini, taman seluas 9578.565 hektar telah dibangunkan di seluruh negara dan melalui kerjasama semua pihak, kualiti pembangunan landskap yang indah dan damai telah bercambah.

“Menjadi hasrat kerajaan agar setiap negeri mempunyai taman awam berkonsepkan Taman Persekutuan dan dapat meningkatkan akses rakyat kepada kawasan landskap, yang sekali gus meningkatkan kawasan hijau di kawasan perbandaran yang menjadi faktor utama penyumbang *low carbon, urban environmental comfort*, yang memberi impak kepada peningkatan kualiti persekitaran dan kehidupan Keluarga Malaysia,” katanya.